

# *latarbelakang dan sejarah*



Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) ditubuhkan sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada 25 Julai, 2001. Ia bertujuan melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong Pelan Perindustrian Negara. Pembelajaran dilaksanakan secara 'lab-intensive' bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan merekabentuk, membina, menguji dan menyelenggara peralatan serta sistem. Dengan lain perkataan, jurutera kelahiran KUKUM mampu mengaplikasikan sebarang konsep teori. Kurikulum yang disediakan telah direkabentuk agar ia setara dengan mana-mana program kejuruteraan yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia, iaitu yang mengambilkira keperluan yang digariskan dalam "Washington Accord".

## **MISI KUKUM**

Merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang kepada ketamadunan dunia.

## **VISI KUKUM**

Menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara.

## **MATLAMAT DAN FALSAFAH**

Program Sarjana Muda Kejuruteraan di KUKUM mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berketerampilan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan yang dijalankan di Universiti ini menitik beratkan kepada pendekatan 'lab-intensive', iaitu dengan memberi lebih penekanan kepada aspek amali. Kursus-kursus yang ditawarkan juga menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti program akademik, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, pengurusan, perakaunan, ko-kurikulum dan pembangunan sahsiah. Pelajar juga diwajibkan mengikuti kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang kejuruteraan yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari serta mempunyai sikap yang mulia dan terpuji.





## KEDUDUKAN SEKARANG

Kampus tetap KUKUM adalah di Pauh seluas (1050 ekar) dan di Sungai Chuchuh seluas (300 ekar) dan masih di peringkat pembangunan. Buat masa ini, kampus KUKUM adalah merupakan sebuah kampus yang bersifat bertaburan (distributed) di lokasi-lokasi seperti berikut:

## SISTEM PENGAJIAN

KUKUM mengamalkan sistem semester iaitu satu Sidang Akademik dibahagikan kepada dua (2) semester yang tiap-tiap satunya mengambil masa lapan belas (18) minggu. Penilaian akademik pelajar-pelajar adalah dilakukan sepanjang semester dan gred-gred pencapaian dari tahun pertama pengajian sehingga tahun akhir pengajian akan diambil kira untuk menentukan pencapaian keseluruhan pelajar di akhir pengajian.



## PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia menawarkan 15 program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan melalui lapan (8) buah Pusat Pengajian seperti berikut:

### PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MIKROELEKTRONIK

→ Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik

→ Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik

### PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KOMPUTER DAN PERHUBUNGAN

→ Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer

Sarjana Muda Kejuruteraan Perhubungan

### PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM ELEKTRIK

→ Sarjana Muda Kejuruteraan Sistem Elektrik

→ Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Industri

### PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN

→ Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan

→ Sarjana Muda Kejuruteraan Metalurgi

### Kangar

Jabatan Canselori  
Jabatan Pendaftar  
Jabatan Bendahari  
Perpustakaan  
Dewan Kuliah  
Jabatan Pembangunan  
Jabatan Keselamatan

### Kubang Gajah

Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi(ICT)  
Dewan Kuliah dan Makmal  
Pusat PALAPES

### Jejawi

Kompleks Pusat Pengajian

### Bintong

Kolej Kediaman

### Kuala Perlis

Kolej Kediaman  
Pusat Kejuruteraan  
Pusat Kerjasama Industri  
Bilik Bersih(Clean Room)  
Kilang Mengajar  
Makmal  
Dewan Kuliah





### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM PEMBUATAN**

- Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan
- Sarjana Muda Kejuruteraan Rekabentuk Produk

### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKATRONIK**

- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik
- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bio -Perubatan

### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BIO - PROSES**

- Sarjana Muda Kejuruteraan Bio - Proses

### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR**

- Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar

### **PUSAT-PUSAT AKADEMIK**

Selain dari pusat-pusat pengajian yang menawarkan program-program ijazah, terdapat beberapa pusat yang ditubuhkan bagi menyokong kepentingan akademik KUKUM iaitu:

### **PUSAT KEMAHIRAN KOMUNIKASI & KEUSAHAWANAN**

Pusat ini menawarkan kursus-kursus keperluan Universiti seperti Matematik Kejuruteraan, Tamadun Islam, Tamadun Asia, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Keusahawanan, Kemahiran Analitikal, Jurutera dalam Masyarakat, Ko-Kurikulum dan lain-lain lagi.

### **PUSAT KERJASAMA INDUSTRI**

Pusat Kerjasama Industri berperanan menjalin hubungan dengan pihak industri dari pelbagai aspek, terutama di dalam program-program yang berkait terus dengan pembelajaran pelajar. Program seperti Program Pendedahan Kepada Industri (INDEX), Forum Bersama Industri, Latihan Industri (InTra), Latihan Perindustrian Kakitangan dan lain-lain lagi diseliasa dan diselaraskan oleh pusat ini. Sesetengah dari program ini wajib diikuti oleh semua pelajar. Maklumat mengenai program-program ini dihebahkan kepada pelajar dari semasa ke semasa.

### **PROGRAM DIPLOMA YANG DITAWARKAN**

KUKUM juga menawarkan 6 program Diploma Kejuruteraan di bawah 6 buah Pusat Pengajian seperti berikut:

#### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MIKROELEKTRONIK**

- Diploma Kejuruteraan Mikroelektronik

#### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KOMPUTER & PERHUBUNGAN**

- Diploma Kejuruteraan Komputer

#### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK**

- Diploma Kejuruteraan Elektrik

#### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN**

- Diploma Kejuruteraan Metalurgi

#### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN PEMBUATAN**

- Diploma Kejuruteraan Pembuatan

#### **PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKATRONIK**

- Diploma Kejuruteraan Mekatronik

### **PUSAT KEJURUTERAAN**

Pusat Kejuruteraan ditubuhkan bagi mengendalikan makmal dan bengkel umum (gunasama) yang diperlukan oleh pelbagai program yang ditawarkan di KUKUM. Oleh kerana program-program kejuruteraan yang dijalankan pada dasarnya menitikberatkan kepada kaedah 'lab-intensive', maka penekanan yang lebih diberikan kepada amalan praktikal secara intensif. Di samping itu, Pusat Kejuruteraan juga menyokong aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di KUKUM. Antara makmal yang terdapat di sini termasuklah Makmal PCB, Makmal Teknologi Mikropemproses, Makmal Asas Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pusat CAD/CAM, Bengkel Kejuruteraan Elektrik, Bengkel Mekanikal, Makmal Kejuruteraan Pembuatan, Pusat Pengajaran Fabrikasi IC dan Makmal ICT.







# Seniman

*dalam suka ada duka*

Oleh  
NORSHAH THAMBY


PERSATUAN Seniman Malaysia atau sebutan ringkasnya SENIMAN adalah merupakan antara persatuan artis yang tertua di negara kita. Ditubuhkan dalam tahun 1974 di Kuala Lumpur dengan Zainuddin Zimbo sebagai Presidennya yang pertama.

Penubuhan persatuan ini adalah daripada cetusan dan hasrat para pelakon sendiri yang ingin melihat kebajikan mereka terbela dan perpaduan di kalangan pelakon-pelakon terjalin erat.

Dalam usia sekitar 30 tahun, SENIMAN sebagaimana persatuan-persatuan lain tidak sunyi daripada kemelut dalam, disamping kejayaan-kejayaan dan pencapaian yang cemerlang dalam kegiatan-kegiatan dan bidang tertentu.

Walaupun pucuk pimpinan silih berganti dan macam-macam krisis melanda, kesemuanya dapat ditangani dengan cara yang professional.

1. Malam Anugerah Perdana Seniman 2004 di Alor Star, Kedah pada 2 Februari 2004







2. Presiden SENIMAN Dato' Mustafa Maarof dan ahli-ahli SENIMAN semasa di Alor Star. Turut kelihatan Dato' Zainudin Maidin, Menteri Penerangan (ketika itu Timbalan Menteri Penerangan)
3. Acara persembahan Malam Anugerah SENIMAN 2004 tambah meriah apabila Fadzley menyanyi diiringi penari-penari jelita.

Sejak ditubuhkan SENIMAN dipimpin oleh enam orang Presiden sebelum diambil alih oleh Dato' Mustapha Maarof yang merupakan Presiden ketujuh. Mereka yang pernah menerajui SENIMAN ialah Encik Zainuddin Zimbo, Dato' Rahim Razali, Haji Baharuddin Haji Omar, Dato' Ismail Hutson, Dato' Aziz Singah dan Encik Abu Bakar Kassim.

Persatuan SENIMAN pernah beroperasi dari sebuah rumah banglo pemberian Kerajaan di persimpangan Jalan Yap Kwan Seng / Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Bagaimana pun pada suatu ketika, SENIMAN berdepan dengan masalah dalaman yang serius yang menyebabkan pendaftarannya dibatalkan. Dan rumah yang menjadi pusat operasi persatuan itu diserahkan semula kepada pihak berkuasa.

Pun begitu, atas kesedaran beberapa artis lama dan baru, maka diusahakan penubuhan semula. Maka Persatuan SENIMAN pun mendapat kelulusan Pendaftar Pertubuhan dihidupkan semula pada tahun 1989 yang ditarajui oleh Dato' Rahim Razali sebagai Presiden dan dibantu oleh Haji Baharuddin Haji Omar sebagai Timbalan Presiden.

Kini SENIMAN dibawah pentadbiran baru yang diketuai oleh Dato' Mustapha Maarof sebagai Presiden dan Encik Aimi Jarr sebagai Timbalan Presiden serta dibantu oleh ahli-ahli jawatankuasa sebagaimana yang dibenarkan oleh perlembagaan persatuan.

Bagi memantapkan kegiatan persatuan, maka diusahakan berbagai program dan aktiviti yang melibatkan ahli-ahli, bukan setakat yang berkaitan dengan seni dan filem semata-mata, malah termasuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan juga pemberian anugerah-anugerah kepada mereka yang cemerlang dan berjasa dalam bidang masing-masing, seperti kesenian, perfileman, kewartawanan hiburan dan sebagainya.

Bersesuaian dengan hasrat Kerajaan yang ingin melihat perusahaan fileman dimantapkan dan diperluaskan sehingga ke peringkat global, maka adalah dirasakan SENIMAN perlu membantu dan memberikan sokongan yang sewajarnya, apa lagi perfileman adalah bidang kegiatan ahli-ahli persatuan ini.

Selain itu, pentadbiran SENIMAN juga memikirkan adalah perlu menjaga dan menguruskan hal kebajikan ahli-ahli. Maka dibuat keputusan menubuhkan Tabung Kebajikan yang bertujuan mengendalikannya bantuan-bantuan kepada yang berkenaan.

Badan Kebajikan yang dinamakan Pertubuhan Kebajikan Seniman Malaysia (PKSM) telah diluluskan pendaftaran penubuhannya pada 14 Disember 2005. Berikutan penubuhannya itu dan usaha pengisian dana, maka Menteri Penerangan (ketika itu) YB. Dato' Seri Panglima Abd. Kadir Hj. Sheikh Fadzir bermurah hati memperuntukkan 300 jam slot RTM untuk diisi oleh production house yang dikemukakan oleh SENIMAN kepada pihak RTM.

Hasil daripada perjanjian yang dipersetujui antara SENIMAN dan production house yang terpilih akan dimasukkan dalam akaun tabung yang ditubuhkan itu. Dengan dana itulah bantuan kepada ahli-ahli yang memerlukan bantuan dapat disalurkan dari semasa ke semasa.

Penglibatan SENIMAN dalam aktiviti dan program bersama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dari 4 hingga 7 Mei 2006 di Perlis ini adalah atas kesedaran untuk mempelbagaikan kegiatan persatuan disamping mendedahkan ahli-ahli, para artis dan karyawan filem kepada kerja-kerja amal dan pergaulan yang sihat dalam masyarakat.

KUKUM adalah sebuah institusi pengajian tinggi awam di Negeri Perlis dan SENIMAN merasakan perlu membantunya apabila diminta bekerjasama dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan berkaitan perfileman. sempena sambutan Hari Keputeraan ke-63 DYMM Tuanku Raja Perlis. Bagi memantapkan lagi program ini, SENIMAN mengadakan penyampaian ANUGERAH PERDANA SENIMAN kepada 12 individu yang mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing.


Pada tahun 2004, SENIMAN telah mengadakan majlis penyampaian anugerah ini di Alor Setar, Kedah. Penganjuran majlis itu adalah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah dan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia (PFM). Ia merupakan majlis penyampaian Anugerah Perdana SENIMAN yang pertama. Manakala penganjuran bersama KUKUM di Perlis adalah untuk kali kedua.

SENIMAN sudah pasti berhasrat meneruskan pemberian anugerah berkenaan dari semasa ke semasa dan juga memerlukan kerjasama dan sokongan dari mana-mana pihak termasuk Kerajaan-Kerajaan Negeri.





# Anugerah perdana seniiman 2006



Setiausaha Kehormat SENIMAN  
Yusof Kelana menunjukkan Anugerah Bintang Seniman

- \* ANUGERAH BINTANG MAHKOTA SENIMAN
- \* ANUGERAH BINTANG SENIMAN ANAK SENI KELAHIRAN PERLIS (2 ANUGERAH)
- \* ANUGERAH BINTANG PENCAPAIAN ABADI
- \* ANUGERAH BINTANG SENIMAN KHAS BIDANG KEWARTAWANAN
- \* ANUGERAH KHAS BINTANG SENIMAN
- \* ANUGERAH BINTANG SENIMAN PENCAPAIAN CEMERLANG BIDANG PERFILEMAN
- \* ANUGERAH BINTANG SENIMAN TOKOH SENI NEGERI PERLIS
- \* ANUGERAH BINTANG SENIMAN PENACAPAIAN CEMERLANG & KONSISTEN BIDANG LAKONAN (2 ANUGERAH)
- \* ANUGERAH BINTANG SENIMAN PENCAPAIAN CEMERLANG BIDANG AKADEMIK (2 ANUGERAH)